

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terbaru Projek Rel Pantai Timur (ECRL) Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Kelang, sama ada skim keretapi Seksyen C tersebut telah mendapat kelulusan muktamad daripada Kementerian di bawah peruntukan Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat dan apakah jajaran ECRL Seksyen C akan berubah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek ECRL telah dikenalpasti sebagai salah satu projek mega yang harus disegerakan pelaksanaannya melalui pakej stimulus yang diumumkan YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020. Kegiatan ekonomi yang dijana oleh projek ECRL diharapkan dapat merangsang kegiatan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan baru untuk penduduk di Pantai Timur yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19.

2. Jajaran projek ECRL ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Seksyen A (Jajaran dari Kota Bharu – Dungun), Seksyen B (Jajaran dari Dungun – Mentakab) dan Seksyen C (Jajaran dari Mentakab – Pelabuhan Klang). Pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan sebagai pemilik projek ECRL telah mendapat kelulusan muktamad Skim Keretapi bagi Seksyen A dan Seksyen B. Selain itu, kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Kajian Impak Warisan (HIA) telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Laporan Kajian Impak Sosial (SIA) juga telah siap dan diserahkan untuk kelulusan bagi kedua-dua seksyen ini.

3. Bagi Seksyen C (Jajaran Mentakab – Pelabuhan Klang), Kerajaan sedang dalam proses memuktamadkan jajaran ini. Proses ini perlu dijalankan dengan Kerajaan mengambilkira beberapa faktor penting seperti viabiliti projek, kesalinghubungan rel dan kewangan sebelum kelulusan diberikan bagi jajaran ini.

Sekian, terima kasih.